

PL anjur mesyuarat bincang kesan ekonomi akibat Covid-19

LABUAN: Perbadanan Labuan (PL) telah mengadakan Mesyuarat Penyelarasan Ekonomi Labuan di sini pada Rabu untuk membincangkan kesan pandemik Covid-19 terhadap sektor kewangan dan ekonomi tempatan.

Peserta mesyuarat itu termasuk wakil daripada Jabatan Tenaga Kerja, Jabatan Perangkaan, Lembaga Hasil Dalam Negeri serta Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia dan Jabatan Pertanian.

Dalam pertemuan itu, para peserta mengkaji pelbagai aspek yang berkaitan dengan pakej rangsangan ekonomi yang diumumkan oleh kerajaan untuk membantu negara mengatasi krisis ekonomi yang disebabkan oleh wabak tersebut dan sekatan pergerakan seterusnya untuk mencegah penyebarannya.

Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan Dr Fary Akmal Osman berkata mesyuarat itu penting memandangkan aktiviti ekonomi yang berkurangan berikutan wabak tersebut.

"Akibat Covid-19, kami tidak dapat menganjurkan perhimpunan lebih besar dengan para penggiat industri bagaimanapun kami telah menyiapkan kaji selidik ekonomi untuk mendapatkan maklum balas daripada komuniti perniagaan di Labuan," katanya kepada Bernama.

Fary berkata strategi ekonomi sedang dirangka untuk membantu mereka yang kehilangan pekerjaan, sambil menambah bahawa pandemik Covid-19 memberi cabaran yang belum pernah terjadi sebelum ini dengan memberi kesan sosio-ekonomi yang teruk.

"Strategi komprehensif diperlukan untuk menangani keperluan kecemasan berkaitan kesihatan, bagi menyokong kegiatan ekonomi. Strategi ini harus menggabungkan inisiatif jangka pendek, sederhana dan jangka panjang dengan mengambil kira kesannya dan hubungan antara ekonomi kita dan keperluan untuk mengekalkan keyakinan dan kestabilan," katanya. - Bernama